



ANUGERAH GEMILANG PERTISAS 2021 ANUGERAH PENTADBIR HARAPAN

1. LATAR BELAKANG ANUGERAH

ANUGERAH PENTADBIR HARAPAN merupakan anugerah penghargaan kepada pentadbir muda.

2. KRITERIA

Penilaian adalah berdasarkan kepada:

- (1) Staf yang telah menerima pangkat/ darjah kebesaran dan anugerah/ pengiktirafan di peringkat Universiti / Komuniti / Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa;
- (2) Sumbangan kepada hasil kreativiti dan inovasi di peringkat Universiti / Komuniti / Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa; dan
- (3) Penglibatan staf dalam aktiviti/program lain.
- (4) Sumbangan dan pencapaian yang diambil kira adalah dalam tempoh 5 tahun terkini.

3. SYARAT – SYARAT & PERATURAN

- (1) Terbuka kepada semua staf tetap atau kontrak bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) yang telah berkhidmat di antara tempoh 5 hingga 10 tahun pada tarikh tutup pencalonan.
- (2) Memperolehi markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan 85% dan ke atas bagi tempoh tiga tahun ke belakang daripada tahun anugerah.
- (3) Calon hendaklah merupakan ahli yang berdaftar dengan PERTISAS UTM;

- (4) Mempunyai personaliti yang baik dan tidak terlibat dengan kes-kes tatatertib atau salah laku;
- (5) Pencalonan perlulah menggunakan borang atau sistem yang telah disediakan
- (6) Pentadbir yang pernah memenangi Anugerah ini adalah tidak layak mengemukakan pencalonan bagi kategori Anugerah yang sama bagi tempoh dua (2) kali anugerah berikutnya daripada tahun dimenangi. Walau bagaimanapun, Pentadbir tersebut boleh mengemukakan pencalonan untuk kategori Anugerah yang lain.
- (7) Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama dokumen berikut:
 - (a) Curriculum Vitae (CV);
 - (b) Bahan bukti bagi sumbangan dan pencapaian (contoh: sijil, surat penghargaan, surat lantikan, laporan projek, bukti bergambar, keratan akhbar, dll).
Nota: Bahan bukti yang dikemukakan hendaklah mempunyai keterangan jelas yang menunjukkan penglibatan Calon seperti tertera nama atau gambar Calon. Mana-mana sumbangan dan pencapaian yang tidak dikemukakan bahan bukti tidak akan diterima dan tidak akan diberikan markah. Mana-mana bahan bukti yang tidak menunjukkan penglibatan Calon secara jelas juga tidak akan diterima dan tidak akan diberikan markah.
- (8) Tarikh tutup pencalonan ialah pada **30 Jun 2021**

4. HADIAH

- (1) Sijil Penghargaan
- (2) Hadiah / Cenderamata

5. PROSEDUR PENCALONAN DAN PEMILIHAN PEMENANG

- (1) Pencalonan hendaklah dibuat menggunakan sistem yang disediakan. Kaedah pencalonan adalah seperti berikut:
 - (a) Mencalonkan diri sendiri; atau
 - (b) Dicalonkan oleh rakan sekerja; atau
 - (c) Dicalonkan oleh Ketua PTj / Jabatan.
- (2) Semua pencalonan yang lengkap akan dikemukakan kepada Panel Penilai untuk tujuan pemilihan muktamad. Hanya seorang sahaja akan dipilih sebagai pemenang untuk kategori ini.

- (3) Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada pencapaian markah minimum yang ditetapkan oleh Panel Penilai. Sekiranya tiada calon yang mencapai markah minimum yang ditetapkan, tiada penerima bagi kategori anugerah ini.
- (4) Keputusan akhir akan diumumkan pada majlis sambutan Konvensyen Pentadbir Universiti Awam 2021 (Peringkat UTM)

6. PENUTUP

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Jawatankuasa Anugerah Gemilang PERTISAS 2021

PERTISAS UTM

Emel: pertisas@utm.my

Telefon: 019-7769000 / 018-2380806